

**CUTI SAKIT DISAHKAN SENDIRI (CSDS)
SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQs)**

**SOALAN-SOALAN LAZIM (FREQUENTLY ASKED QUESTIONS) BAGI
CUTI SAKIT DISAHKAN SENDIRI (CSDS)**

Soalan 1) Apakah objektif Cuti Sakit Disahkan Sendiri (CSDS)?

Jawapan: CSDS adalah bagi pegawai/kakitangan yang tidak mampu (akibat kesakitan) untuk pergi ke hospital, rumah-rumah sakit ataupun klinik-klinik untuk mendapatkan rawatan.

Soalan 2) Bagi Pegawai-Pegawai yang baru berkhidmat yang belum mencapai satu (1) tahun tempoh perkhidmatan, adakah kelayakan CSDS mereka itu diberikan selama enam (6) hari?

Jawapan: CSDS adalah mengikut kelayakan cuti tahunan. Bagi Pegawai dan Kakitangan yang baru berkhidmat, kelayakan CSDS adalah secara pro-rata dan jika sekiranya tidak ada baki cuti tahunan maka akan dianggap sebagai cuti tidak bergaji (CTG).

Soalan 3) Bolehkah diterima jika sekiranya Pegawai yang membenarkan CSDS berkenaan menjawab permohonan CSDS menggunakan symbol emoticons/emojis sepertimana dalam aplikasi Whatsapp/Telegram atau imej sahaja tanpa keterangan lanjut mengenainya?

Jawapan: Kebenaran adalah tidak diberikan. Simbol *emoticons/emojis* atau imej tersebut hendaklah disertakan bersama keterangan ataupun penjelasan seperti "CSDS dibenarkan".

Soalan 4) Menurut tatacara permohonan CSDS, Pegawai/Kakitangan yang memohon CSDS berkenaan mestilah memaklumkan Ketua Jabatan melalui telefon DAN menggunakan pesanan ringkas seperti Whatsapp. Adakah diterima jika sekiranya Pegawai/Kakitangan berkenaan menggunakan pesanan ringkas (SMS/texting) sahaja?

Jawapan: Boleh diterima jika menggunakan pesanan ringkas sahaja.

**CUTI SAKIT DISAHKAN SENDIRI (CSDS)
SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQs)**

Soalan 5) Adakah diperlukan tempoh jarak 30 hari untuk mengambil CSDS seperti Peraturan Cuti Tahunan?

Jawapan: Tempoh jarak selama 30 hari adalah tidak dihadkan kepada CSDS.

Soalan 6) Jika sekiranya seorang Pegawai bercuti tahunan selama empat (4) hari iaitu hari Isnin sehingga Khamis, dan seterusnya mengambil cuti CSDS selama satu (1) hari lagi pada hari Sabtu, berapakan jumlah hari cuti tahunan yang ditolak?

Jawapan: Ditolak cuti tahunan termasuk CSDS selama lima (5) hari sahaja iaitu selama empat (4) hari cuti tahunan dan satu (1) hari CSDS.

Soalan 7) Apakah kedudukan seorang Pegawai yang mengambil CSDS selama dua (2) hari iaitu pada hari Khamis, dan seterusnya CSDS disambung lagi pada hari Sabtu?

Jawapan: Hari Khamis adalah dikira sebagai CSDS, manakala pada hari Sabtu dinasihatkan untuk mengambil Cuti Sakit (MC). Sekiranya sijil sakit tidak diberikan, adalah dinasihatkan untuk mengambil cuti tahunan.

Soalan 8) Apakah kedudukan permohonan CSDS tetapi baki cuti tidak mencukupi. Sebagai contoh, baki cuti Pegawai berkenaan adalah sebanyak 20 hari, dan Pegawai tersebut mengambil cuti tahunan selama 20 hari, dan mengambil CSDS selama dua (2) hari sebelum cuti tahunan. Adakah cuti tahunan yang telah dibenarkan itu perlu dikurangkan?

Jawapan: Kebenaran cuti hendaklah diselaraskan mengikut baki cuti yang ditetapkan mengikut Bahagian masing-masing. Jika melebihi daripada kelayakan cuti, ianya akan dikira sebagai Cuti Tidak Bergaji (CTG).

**CUTI SAKIT DISAHKAN SENDIRI (CSDS)
SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQs)**

Soalan 9) Sekiranya Pegawai yang memangku mengambil CSDS selama satu (1) hari dalam tempoh memangku selama 11 hari, adakah Pegawai berkenaan dibayar elaun memangku semasa mengambil CSDS tersebut?

Jawapan: Tatacara pembayaran elaun memangku adalah mengikut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri mengenai Peraturan Hal Ehwal Memangku yang berkuatkuasa pada masa ini.

Soalan 10) Bagi yang mengambil CSDS melalui Cuti Tidak Bergaji (CTG), adakah ianya dipohonkan ke Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan dakah kenaikan tahunan bagi Pegawai/Kakitangan tersebut akan berganjak?

Jawapan: Seperti peraturan pada masa ini, Cuti Tidak Bergaji (CTG) perlulah dipohonkan ke Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Kenaikan tahunan bagi Pegawai/Kakitangan tersebut akan turut berganjak.

Soalan 11) Adakah CSDS dapat dipohonkan oleh Pegawai Pelajaran?

Jawapan: Sekiranya Pegawai Pelajaran yang ada hak cuti tahunan, CSDS akan ditolak dari cuti tahunan. Sekiranya Pegawai Pelajaran yang tiada hak cuti tahunan, ianya hendaklah mendapatkan cuti sakit dan jika tidak diberikan cuti sakit, maka ia boleh mengambil Cuti Tidak Bergaji (CTG). Walaubagaimanapun, ianya adalah tertakluk kepada peraturan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.

Soalan 12) Adakah CSDS dilaratkan kepada Pegawai beruniform seperti Pasukan Polis dan ABDB?

Jawapan: CSDS adalah bagi warga Perkhidmatan Awam yang mana tidak termasuk Pasukan Polis Diraja Brunei dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Walaubagaimanapun, ianya tidak menghalang bagi Pasukan Polis Diraja Brunei dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei untuk mengikut peraturan ini tertakluk kepada peraturan-peraturan yang berkuatkuasa di agensi-agensi berkenaan.

**CUTI SAKIT DISAHKAN SENDIRI (CSDS)
SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQs)**

Soalan 13) Adakah CSDS dilaratkan kepada Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kerajaan (Home-based Staff) yang berkhidmat di perwakilan luar negara?

Jawapan: Pegawai-Pegawai dan Kakitangan tersebut adalah termasuk sebagai warga perkhidmatan awam dan layak untuk memohon CSDS.

Soalan 14) Bagi wanita yang mengandung yang mengalami sakit yang berkenaan seperti muntah dan sebagainya, bolehkah ianya memohon CSDS?

Jawapan: Ianya adalah terpulang kepada kesan-kesan daripada sakit berkenaan. Sekiranya tergolong dalam penyakit ringan, Pegawai/Kakitangan berkenaan bolehlah mengambil CSDS. Jika sekiranya ianya memudaratkan, adalah dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan lanjut di hospital/klinik.

Soalan 15) Adakah permohonan CSDS termasuk dalam sistem GEMS?

Jawapan: CSDS telah disediakan dalam aplikasi GEMS. Ianya akan mula dapat diakses dalam sistem GEMS pada 1hb September yang mana makluman lanjut akan dibuat melalui sistem emel.

Soalan 16) Adakah CSDS dapat diambil secara kebelakangan?

Jawapan: CSDS tidak dapat dipohonkan secara kebelakangan. Sepertimana Surat Keliling JPM berkenaan, hendaklah memaklumkan Ketua Jabatan/Bahagian/Unit melalui telefon dan pesanan ringkas (SMS) ataupun mana-mana aplikasi perhubungan seperti *Whatsapp* dalam tempoh 24 jam dalam hari yang sama semasa CSDS dipohonkan. Jika gagal, Pegawai dan Kakitangan berkenaan boleh dianggap tidak hadir bekerja tanpa kebenaran atau tanpa sebab.

**CUTI SAKIT DISAHKAN SENDIRI (CSDS)
SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQs)**

Soalan 17) Apakah kedudukan CSDS bagi pekerja yang bergaji hari?

Jawapan: Mereka mempunyai dua (2) pilihan seperti berikut:

Pilihan 1: Pekerja bergaji hari mempunyai kelayakan cuti selama tujuh (7) hari dalam setahun bagi yang telah berkhidmat setahun hingga tujuh (7) tahun. Oleh itu, mereka boleh memohon CSDS dan akan dipotong daripada kelayakan cuti masing-masing. Walau bagaimanapun, jika mereka tidak mempunyai baki cuti tahunan, CSDS yang dipohonkan adalah Cuti Tidak Bergaji.

Pilihan 2: Memandangkan kelayakan cuti pekerja gaji hari tidak banyak, mereka boleh mendapatkan sijil cuti sakit daripada klinik-klinik dan cuti sakit mereka tidak akan dipotong daripada cuti tahunan. Cuti sakit pekerja gaji hari yang mempunyai sijil sakit diberikan sebanyak 14 hari dalam tempoh perkhidmatan setahun (7 hari dalam tempoh enam (6) bulan pertama dan 7 hari dalam tempoh enam (6) bulan kedua).

Soalan 18) Jika seorang Pegawai dan Kakitangan tidak mempunyai lebih baki hak cuti tahunan, bagaimanakah dia memohon cuti sakit?

Jawapan: Pegawai dan Kakitangan tersebut mempunyai dua pilihan seperti berikut:

Pilihan 1- Mendapatkan sijil sakit daripada klinik-klinik yang diiktiraf Kerajaan dimana cuti sakit berkenaan tidak akan dipotong daripada cuti tahunan.

Pilihan 2 – Jika Pegawai dan Kakitangan tersebut tidak dapat atau tidak mahu mendapatkan sijil sakit, CSDS dapat dipohonkan dan diambil sebagai Cuti Tidak Bergaji.

Soalan 19) Adakah hospital, rumah sakit dan klinik-klinik Kerajaan masih mengeluarkan sijil cuti sakit bagi yang memerlukannya?

Jawapan: Merujuk persuratan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan bilangan KK/RD/10/16 bertarikh 25 Ogos 2016 memaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan tidak akan mengeluarkan sijil cuti sakit bagi cuti dua (2) hari atau kurang bagi penyakit-penyakit ringan. Manakala, klinik-klinik swasta yang diiktiraf

CUTI SAKIT DISAHKAN SENDIRI (CSDS)
SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQs)

Kerajaan akan masih mengeluarkan sijil sakit bagi cuti sakit tidak melebihi dua (2) hari berturut-turut.

Soalan 20) Semasa Pegawai menjalani CSDS, bolehkah Pegawai tersebut berjumpa dengan Pegawai Perubatan ataupun Doktor bagi mendapatkan rawatan?

Jawapan: Ya. Pegawai berkenaan boleh berjumpa dengan Pegawai Perubatan untuk mendapatkan rawatan.

Soalan 21) Adakah Cuti Sakit yang berkuatkuasa sebelum ini masih lagi digunapakai?

Jawapan: Ya. Cuti Sakit yang berkuatkuasa sebelum ini adalah tidak mansuh dan masih lagi digunapakai. CSDS diperkenalkan adalah sebagai pilihan alternative kepada Cuti Sakit.